



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**3 SEPTEMBER 2021 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**3 SEPTEMBER 2021 (JUMAAT)**

## Kit ujian pantas Covid-19 RM19.90 bermula Ahad ini

**PUTRAJAYA:** Harga runcit maksimum bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian sendiri) di pasaran tempatan ditetapkan RM19.90 seunit berkuat kuasa Ahad ini.

Perkara itu diputuskan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin menerusi kenyataan akhbar bersama hari ini.

Kedua-dua kementerian turut menetapkan harga borong maksimum bagi kit ujian sama pula ditetapkan pada harga RM16 satu set.

“Penentuan harga maksimum kit ujian ini dibuat mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

“Penetapan harga maksimum ini dibuat atas dasar keprihatinan kerajaan dalam usaha menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini,” katanya.

Menurut kenyataan itu, kerajaan sedar bahawa situasi Covid-19 di negara ini belum pulih dan permintaan terhadap kit ujian dijangka meningkat pada masa depan susulan kesedaran orang ramai mahu membuat ujian sendiri.

Justeru, katanya, penentuan harga maksimum borong

dan runcit kit ujian pantas itu dibuat bagi memastikan harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran bagi manfaat pengguna dan peniaga.

Jelasnya, penentuan harga maksimum juga dibuat selepas melakukan pemantauan harga di semua premis dan farmasi di seluruh negara, maklum balas daripada agensi kerajaan dan hasil perbincangan dengan rantaian bekalan serta syarikat farmasi.

Pada masa sama, KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan penetapan harga berkenaan.

Menurutnya, mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan denda.

“Bagi kesalahan menjual melebihi harga maksimum, individu yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

“Bagi syarikat pula, mereka boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000,” katanya.



## Harga maksimum kit ujian sendiri COVID-19 RM19.90

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga kit ujian pantas sendiri antigen COVID-19 ialah RM19.90 berkuat kuasa Ahad ini.

**Nasional 5**

Penularan COVID-19

# Kit ujian sendiri RM19.90

**KPDNHEP tetap harga runcit maksimum hasil sesi libat urus pemain industri**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga runcit maksimum bagi setiap set kit ujian sendiri COVID-19 pada harga RM19.90, manakala harga borong ditetapkan RM16 berkuat kuasa Ahad ini.

Penetapan harga maksimum bagi kit ujian pantas antigen COVID-19 itu diumumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Ja-

maludin, dalam satu kenyataan bersama semalam.

"Permintaan terhadap kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) dijangka meningkat susulan kesedaran orang ramai dalam membuat ujian sendiri bagi memastikan diri bebas daripada wabak COVID-19.

"Berikutan itu KPDNHEP sudah mengadakan libat urus dengan semua pemain industri tempatan dan pengimport dalam menentukan harga kawalan yang berpatutan bagi semua pihak.

"KPDNHEP juga menjangkakan kesan persaingan akan menstabilkan lagi harga jualan di semua peringkat seperti mana berlaku kepada harga pelitup muka," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, dilaporkan berkata pihaknya menerima banyak rungutan dan desakan yang menyifatkan harga bagi satu set kit ujian sendiri RM35 hingga RM39.90 adalah terlalu mahal.

Dalam pada itu, Alexander dan Khairy berkata, penentuan harga

maksimum borong dan runcit kit ujian sendiri itu dibuat berdasarkan maklumat yang diterima ketika pemantauan harga di semua premis dan farmasi.

"Selain itu, kita turut menerima maklum balas daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta perbincangan dengan pengilang, pengimport, peruncit dan persatuan farmasi barangan berkenaan.

"Harga kit ujian sendiri yang dikawal itu adalah satu peranti diluluskan secara bersyarat oleh MDA bawah KKM bagi pengesanan antigen yang menyebabkan COVID-19 dengan menggunakan sampel bendalir mulut atau calitan hidung.

"Sebagai kerajaan yang prihatin dan serius dalam menanganikan kos sara hidup yang meningkat pada masa kini serta tanda sokongan KKM, pihak KPDNHEP membuat kawalan harga ke atas kit ujian berkenaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan

Bekalan 1961," katanya.

Katanya, penentuan harga maksimum borong dan runcit terhadap kit ujian sendiri itu dibuat disifatkan sebagai mengikut kewajaran dan kesesuaian penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi memastikan harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga.

Sekiranya terdapat peniaga yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan, tindakan akan diambil bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti.

"Iaitu bagi kesalahan menjual melebihi harga maksimum bagi individu, mereka boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau ke-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

"Bagi kesalahan yang dibuat oleh pihak syarikat pula, syarikat itu boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000," katanya.



**KIT UJIAN PANTAS  
COVID-19 DIJUAL  
RM19.90 »4**

Harga runcit maksimum peralatan  
itu akan dikuatkuasakan Ahad ini

KPDNHEP tetapkan keputusan itu bermula Ahad

# Harga maksimum kit ujian RM19.90 seunit

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Harga runcit maksimum bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian sendiri) di pasaran tempatan ditetapkan pada harga RM19.90 seunit akan berkuat kuasa mulai Ahad ini.

Perkara itu diputuskan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi kenyataan akhbar bersama semalam.

Kedua-dua kementerian turut menetapkan harga borong maksimum bagi kit ujian sama pula ditetapkan pada harga RM16 satu set.

“Penentuan harga maksimum kit ujian ini dibuat mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

“Penetapan harga maksimum ini dibuat atas dasar keprihatinan kerajaan dalam usaha menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini,” katanya.

Menurut kenyataan itu, kerajaan sedar bahawa situasi Covid-19 di negara kita masih belum pulih dan permintaan terhadap kit ujian juga dijangka meningkat pada masa depan susulan kesedaran orang ramai mahu membuat ujian sendiri.

Justeru, katanya, penentuan harga maksimum borong dan runcit kit ujian pantas itu dibuat bagi memastikan harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran bagi manfaat pengguna dan peniaga.



**AMIRATUL NADIAH RAZARUDIN** melakukan saringan sendiri dengan kit sendiri ujian Covid-19 di rumahnya di Seremban baru-baru ini.

– GAMBAR HIASAN



**KERATAN Kosmo! 15 Ogos 2021.**

“Penentuan harga maksimum juga dibuat selepas melakukan pemantauan harga di semua premis dan farmasi di seluruh negara, maklum balas daripada agensi kerajaan dan hasil perbincangan dengan rantaian bekalan serta syarikat farmasi,” katanya.

Pada masa sama, KPDNHEP juga akan mengambil tindakan

tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan penetapan harga ini.

Menurutnya, mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan denda.

“Bagi kesalahan menjual melebihi harga maksimum, individu yang didapati bersalah boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali atau dikompaun sehingga RM50,000.

“Bagi syarikat pula, mereka boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000,” katanya.

# Tetap harga kit ujian sendiri

Jualan runcit dan borong ditetapkan RM19.90 serta RM16 bermula 5 September ini

**Putrajaya.**

**K**erajaan menetapkan harga runcit maksimum bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian sendiri) pada RM19.90 bagi setiap set manakala harga borong ditetapkan RM16 satu set berkuat kuasa 5 September ini.

Penetapan harga maksimum bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 itu diumumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaludin dalam satu kenyataan bersama, semalam. "Penentuan harga maksimum borong dan runcit kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian sendiri) dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan yang lebih berkesan untuk memastikan harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan dipasaran bagi manfaat pengguna dan peniaga," menurut kenyataan

itu.

Menurut kenyataan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menentukan harga maksimum borong dan runcit kit ujian pantas antigen Covid-19 berdasarkan pemantauan harga semua premis dan farmasi di seluruh

negara.

Harga maksimum turut ditentukan berdasarkan maklum balas dari agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan perbincangan dengan pengilang,

pengimport, peruncit serta persatuan farmasi barangan terbabit.

KPDNHEP juga sudah mengadakan libat urus dengan semua pemain industri tempatan dan pengimport dalam menentukan harga kawalan yang berpatutan bagi semua pihak.

Kenyataan bersama itu menyebut KPDNHEP dan KKM bekerjasama dalam melaksanakan penentuan harga borong dan runcit

berkenaan susulan permin-taan terhadap kit ujian itu yang dijangka meningkat berikutan kesedaran orang ramai bagi membuat ujian sendiri bagi memastikan diri bebas daripada wabak Covid-19.

"Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini dan sebagai tanda sokongan Kementerian bagi menangani wabak Covid-19," katanya.

**Penentuan harga berdasarkan pemantauan harga di semua premis, farmasi seluruh negara**



## Harga siling kit ujian sendiri Covid-19 RM19.90

MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada Khamis mengumumkan harga runcit kit ujian sendiri Covid-19 ditetapkan pada kadar RM19.90 dan RM16 bagi jualan borong berkuat kuasa Ahad ini.

# Harga kit ujian sendiri dikawal

RTK antigen Covid-19 dijual pada harga RM19.90 berkuat kuasa. Ahad ini

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM



KHAIRY JAMALUDDIN



ALEXANDER

**H**arga borong dan runcit bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 diletakkan di bawah kawalan berkuat kuasa. Ahad ini menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam satu kenyataan bersama berkata, kit berkenaan akan dijual pada harga RM16 (borong) dan RM19.90 (runcit) bagi satu set.

“Penentuan harga maksimum borong dan runcit kit ujian pantas antigen Covid-19

di-  
buat mengikut ke-  
wajaran dan ke-  
sesuaian bagi  
penguatkuasaan  
yang lebih ber-  
kesan. Ia bagi me-  
mastikan harga berpatutan dan  
keberadaan bekalan di pasaran  
bagi manfaat pengguna dan pe-  
niaga,” kata mereka menerusi  
satu kenyataan pada Khamis.

Menurut mereka, Kement-  
erian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-  
NIFEP) menentukan harga mak-  
simum borong dan runcit kit ber-



Harga baharu kit ujian antigen Covid-19  
Harga borong: RM16.00  
Harga runcit: RM19.90  
setiap set



kedua-duanya, atau dikompaun sehingga RM50,000.

“Bagi syarikat pula boleh di-  
denda sehingga RM500,000 atau  
diko'mpaun sehingga  
RM250,000,” kata mereka.

Tegas mereka, kementerian te-  
lah menyediakan pelbagai medium  
penyaluran aduan bagi memudah-  
kan rakyat mengemukakan aduan  
berkaitan isu harga berkenaan.

“Kementerian turut me-  
wujudkan Skwad Tindakan  
Aduan Rakyat (STAR) dalam  
usaha menangani aduan rakyat,”  
kata mereka.

Aduan boleh dikemukakan  
menerusi portal [e-aduan@  
kpdnhep.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnhep.gov.my), Call Centre 1800  
886 800, e-mel [e-aduan.kpdnhep.  
gov.my](mailto:e-aduan.kpdnhep.gov.my), Enforcement Command  
Centre (ECC) 03-8882 6245/ 6088  
atau WhatsApp ke 019-279 4317.

Pegawai farmasi, Nuramleza Man 28, menyusun kit ujian pantas (RTK) antigen Covid-19 di sebuah farmasi di Seksyen 9, Shah Alam, Selangor.

kenaan berdasarkan maklumat harga daripada tiga punca. Beliau berkata, punca pertama ialah pemantauan harga di semua premis dan farmasi di seluruh negara.

“Kedua, maklum balas dari-  
pada agensi kerajaan seperti  
Pihak Berkuasa Peranti, Perubatan  
(MDA), Kementerian Kesihatan  
Malaysia (KKM) dan Jabatan  
Kastam Diraja Malaysia (JKDM).  
“Ketiga ialah perbincangan  
dengan pengilang, pengimpor,  
peruncit dan persatuan farmasi

barang tersebut,” kata mereka.

Kedua-dua menteri itu turut  
mengingatkan bahawa tindakan  
tegas akan diambil terhadap pe-  
niaga yang gagal mematuhi pe-  
aturan tersebut.

Kata mereka, peniaga yang  
melakukan kesalahan akan di-  
ambil tindakan di bawah Akta  
Kawalan Harga dan Antipencatutan  
2011 dan boleh dikenakan penalti  
di bawah kesalahan menjual me-  
lebihi harga maksimum.

“Individu yang melakukan  
kesalahan itu boleh didenda se-  
hingga RM10,000 atau dipenjara-  
kan tidak melebihi tiga tahun atau

HARI :  
TARIKH :  
M/SURAT :

JUMAAT  
3/09/2021  
4



# DIY BOOST

THE ceiling price of Covid-19 self-test kits is fixed at RM19.90 from Sunday to make tests more accessible to all and enable speedier isolation of positive cases. Calls are, however, being made to lower it to below RM10 with government subsidy.

» REPORT BY VEENA BABULAL AND GOH PEI PEI ON PAGE 5

ENTERING ENDEMIC STAGE

# SELF-TEST KITS CAPPED AT RM19.90

New price fixed due to rising cost of living and to help manage pandemic, say ministers

VEENA BABULAL  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE ceiling retail price of Covid-19 rapid antigen self-testing kits will be fixed at RM19.90 from Sunday, while the wholesale price will be set at a maximum of RM16.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri

Alexander Nanta Linggi and Health Minister Khairy Jamaludin yesterday said the decision was made considering the rising cost of living and the support needed to manage the pandemic, which had become more challenging in recent months.

Covid-19 self-test kits are currently priced between RM28 and RM41.

The announcement on the new price comes on the heels of the government's projection that the Covid-19 pandemic will enter the endemic stage in about two months when self-testing becomes a crucial aspect in managing the pandemic.

"The price was set for the kits based on the reasonability and suitability for more effective enforcement so that there is no shortage of the kits. They are

available at reasonable prices," Nanta and Khairy said.

However, they said, the authorities expected the price to further stabilise.

The price was determined based on price surveillance in pharmacies nationwide, feedback from the Medical Device Authority and the Customs Department.

Discussions were also held with stakeholders, including manufacturers, importers, retailers and pharmaceutical associations.

Failure to follow the ceiling price can lead to compounds under the Price Control and Anti-Profitreering Act of 2011, with a maximum of RM50,000 or RM250,000 for individuals and companies, respectively.

The court fine does not exceed RM100,000 and/or a three-year

prison term for individuals, while companies can face a fine of up to RM500,000.

For the second or subsequent offences, the offender faces a fine of RM1 million if found guilty.

Federation of Malaysian Consumers Associations president Datuk Dr Marimuthu Nadason welcomed the move.

He, however, called for the ceiling price to be set at RM9.90 instead so that the Bottom 40 income group could afford it.

"It has to be RM10 or below because a B40 family's weekly shopping bill is around RM80. If test kits are RM20, you are depriving them of a quarter of the items they need. And most of these families comprise people who have to go out daily for work despite the pandemic."

"They live with four to six

members in cramped homes. If this is the price, moving on to the endemic stage, how can they test themselves regularly?"

Marimuthu proposed that the government subsidised the sum to enable this group to have adequate access to test kits.

"We need to know which category of individuals makes up the bulk of the infections. They could be factory workers from the manufacturing and construction sectors, as well as domestic workers and small-scale traders who depend on daily wages."

He said the government must beef up enforcement so that there would be no hoarding or disruption in test kits supplies.

He said there should not be a repeat of the face mask experience last year when its price was fixed.

**PUTRAJAYA:** The government has set the retail ceiling price for the Covid-19 antigen rapid test kit (RTK) at RM19.90 per set, effective this Sunday.

The setting of the ceiling price for the self-test kit was announced by Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi and Health Minister Khairy Jamaluddin in a joint statement yesterday.

The wholesale ceiling price for the test kits has also been set at RM16 per set.

"The retail and wholesale ceiling prices for the antigen rapid test kit were set for more effective enforcement to ensure reasonable prices and availability of supply in the market for the benefit of consumers and traders," the statement said.

It said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry also made the decision based on the findings of its price monitoring activities on all business premises and pharmacies in the country, Bernama reported.

The ceiling prices were also set based on feedback from relevant agencies such as the Medical Device Authority (MDA), Health Ministry and the Customs Department, and

# Self-test kits to be more affordable

► Govt set ceiling retail price at RM19.90 with effect from Sept 5 for benefit of consumers

also upon discussions with manufacturers, importers, retailers and pharmaceutical associations.

The statement said the domestic trade ministry had also conducted engagement sessions with all local industry players and importers prior to setting the ceiling prices.

It said the ministry had worked closely with the Health Ministry in setting the prices following the anticipated rise in demand for

the test kits.

The statement added the domestic trade ministry will also carry out enforcement and price-monitoring activities for the test kits under the Control of Supplies Act 1961 as well as the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

The antigen RTK is approved by the MDA for the public to test for Covid-19 using saliva or nasal swab samples.

# KPDNHEP cadang wujud restoran harga patut

**Kuala Berang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang mewujudkan restoran dan kedai makan harga patut di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, kerajaannya dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) akan menawarkan beberapa inisiatif kepada pengusaha restoran dan kedai makan yang berminat menyertainya seperti pengurangan harga sewa premis. "Buat permulaan, Terengganu dipilih sebagai projek perintis sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

"Kita akan mengadakan perbincangan dengan PBT bagi membolehkan mereka menguruskan harga sewa premis ke pada pengusaha dan kedai makan yang akan menyertai program itu," katanya kepada media pada majlis kesyukuran di kediamannya semalam.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, pengusaha restoran dan kedai makan yang ingin menyertai program itu perlu mematuhi harga makanan dan minuman ditetapkan KPDNHEP.

"Sebagai contoh, pengusaha restoran dan kedai makan menyediakan pakej untuk makan pagi sekeping roti canai kosong atau telur bersama teh o dengan harga RM1.

"Restoran dan kedai makan harga patut yang akan diwujudkan mampu mengurangkan bebanan masyarakat," katanya.

Beliau yakin, sekiranya PBT dapat mengurangkan harga sewa premisnya, program restoran dan kedai makan harga patut akan mendapat sambutan pengu-saha.

Sementara itu di Putrajaya, Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) tahun lalu mencatatkan peningkatan jualan ketara RM3.3 bilion dengan jumlah unit simpanan stok (SKU) meningkat 326,000.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata peningkatan itu turut dilihat menerusi portfolio dalam talian *marketplace* berbanding tahun sebelum ini dengan nilai jualan melebihi RM145 juta.

Katanya, peningkatan itu dapat dilihat kerana ramai rakyat berbelanja secara dalam talian berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pada 2019, KBBM mencatatkan nilai jualan sebanyak RM2.87 bilion membabitkan 279,000 SKU bagi sektor peruncitan dan bagi nilai jualan dalam talian pula adalah RM6.84 juta.

"Berdasarkan pencapaian pada tahun sebelumnya, saya amat berharap kerjasama sedia ada dan baharu antara KPDNHEP dan rakan kerjasama strategik dalam pelaksanaan KBBM ini dapat diteruskan bagi memastikan usaha pemuliharaan ekonomi dapat dipercepatkan secara bersama.

"Kerjasama strategik ini amat

penting untuk memulihkan semula sektor peruncitan dan seterusnya mencapai pertumbuhan yang mampan," katanya ketika melancarkan KBBM 2021 secara maya, semalam.

Hasnol berkata, selain menyemai semangat patriotisme dalam kempen berkenaan, KBBM juga adalah platform untuk penjenamaan bagi meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap kualiti produk tempatan.

Beliau berkata, setiap tahun KBBM semakin berkembang dengan pembabitkan rakan kerjasama strategik bagi sektor peruncitan.

Bagi tahun ini, antara rakan strategik baharu ialah AEON Big, AEON Co, Giant, Mydin, 99 Supermarket, The Store, Hero Supermarket, KK Supermart, Eco-Shop, Lotus Store, Econsave, Lulu Group, TF Value-Mart, Bata, Petronas dan Shell.

"KBBM tidak lengkap jika hanya tertumpu kepada premis peruncitan fizikal, rakan strategik dari platform dalam talian atau *marketplace* memainkan peranan yang sama penting.

"Shopee, LAZADA dan PG-MALL turut bersempang bekerjasama dengan KBBM tahun ini selari dengan perkembangan dan keadaan semasa berikutan pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia. Kita menyaksikan urusan jual beli kini tertumpu ke arah pendigitalan," katanya.

Restoran dan kedai makan harga patut yang akan diwujudkan mampu mengurangkan bebanan masyarakat

Rosol Wahid,  
Timbalan Menteri Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna





RAKYAT Malaysia kini lebih gemar membeli-belah secara online ketika PKP. – GAMBAR HIASAN

## Kempen Beli Barangan Malaysia bantu jualan **RM3.3 bilion jualan online ketika PKP**

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**

**PUTRAJAYA** – Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyaksikan nilai jualan dalam talian meningkat kepada RM3.3 bilion pada 2020 berbanding RM2.87 bilion pada tahun 2019.

Ia meliputi jumlah unit simpanan stok (SKU) melebihi 326,000 jenis barangan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, peningkatan itu juga disokong oleh Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) sekali gus menyaksikan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, pada 2019, pelaksanaan KBBM mencatatkan nilai jualan sebanyak RM2.87 bilion melibatkan 279,000 SKU bagi sektor peruncitan dan RM6.84 juta nilai jualan diperolehi melalui portal dalam talian *marketplace*.



**HASNOL ZAM ZAM**

"Portal online *marketplace* telah mencatatkan peningkatan amat besar pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 dengan nilai jualan melebihi RM145 juta.

"Berdasarkan prestasi pada tahun lepas dengan pertambahan kepelbagaian kaedah pendekatan, pelaksanaan KBBM diteruskan sebagai salah satu inisiatif untuk memulih dan merancakkan sektor peruncitan di dalam negara," katanya dalam ucapan perasmian sempena Majlis Pra-pelancaran

KBBM Tahun 2021 yang diadakan secara dalam talian semalam.

Menurutnya, usaha itu bertujuan membantu usahawan tempatan untuk kekal berdaya saing dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

Katanya, pandemik Covid-19 yang melanda negara sejak Mac tahun lalu memberi impak negatif buat kebanyakan perusahaan tempatan yang terkesan dengan penularan wabak tersebut.

"Inisiatif KBBM dilihat mampu meningkatkan permintaan domestik untuk memperkasa rantaian jaringan bekalan, malah dengan kerjasama bersama sektor peruncitan pada tahun ini.

"Kempen tahun ini terus berkembang dengan pertambahan penglibatan rakan kerjasama strategik daripada sektor peruncitan seperti pasar raya AEON Big, AEON Co., Giant, Mydin, 99 Speedmart dan beberapa lagi," ujarnya.

## Kempen Beli Barangan Malaysia diharap dinikmati pengguna

**SHAH ALAM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan agar manfaat Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2021 akan dinikmati secara terus oleh pengguna melalui penawaran harga istimewa bagi barangan ke luaran tempatan.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, pihaknya sedar pengguna terkesan dengan pandemik Covid-19 yang berlaku di mana kuasa membeli turut menurun.

"Selain itu kempen ini juga menjadi serampang dua mata dalam membantu meningkatkan jualan produk pengusaha tempatan sekaligus mengukuhkan ekonomi negara," katanya semasa melancarkan KBBM 2021 secara dalam talian pada Khamis.

Tambahnya, bagi memastikan capaian kempen meluas dan manfaat dirasai rakyat Malaysia, promosi secara berterusan akan dilaksanakan menerusi saluran media cetak, media elektronik dan platform digital bertujuan mengingkatkan serta mempromosi produk-produk tempatan.

Beliau berkata, promosi turut diperkukuh melalui kerjasama strategik dan kolaborasi khas dengan pihak berkepentingan yang mempunyai pengikut atau pengaruh tersendiri seperti melalui



Hasnol ketika melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia 2021 secara dalam talian pada Khamis.

perkhidmatan tempatan serta memberikan dorongan kepada mereka.

"Sabun tahun kempen ini semakin berkembang dengan pertambahan penglibatan rakan-rakan kerjasama strategik daripada sektor peruncitan," katanya.

Dalam pada itu, Hasnol turut mengumumkan rakan strategik KBBM untuk sektor peruncitan pada tahun ini adalah AEON Big, AEON Co, Giant, Mydin, 99 Speedmart, The Store, Hero Supermarket, KK Supermart, Eco-Shop, Lotus Store, Econsave, Lulu Group, TF Value-Mart, Bataras, Petronas dan Shell.

Selain itu, beliau berkata, rakan strategik daripada platform dalam talian iaitu Shoppe, Lazada dan PGMALL turut memainkan peranan yang sama penting.

Jelasnya, pelaksanaan ini selari dengan perkembangan semasa berikutan pandemik Covid-19 yang sedang melanda dunia. Kita menyaksikan urusan jual beli ini telah tertumpu ke arah pendigitalan.

"Platform dalam talian telah mencatatkan peningkatan yang amat besar pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 dengan nilai jualan RM145 juta.

"Peningkatan ketara ini disebabkan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang menyaksikan ramai rakyat Malaysia berbelanja secara dalam talian,"

katanya.

Hasnol turut berharap agar kerjasama sedia ada dan baharu antara Kementerian serta rakan kerjasama strategik dalam pelaksanaan KBBM ini dapat diteruskan bagi memastikan usaha pemuliharaan ekonomi dapat dipercepat secara bersama.

"Kerjasama strategik ini amat penting untuk memulihkan semula sektor peruncitan dan seterusnya mencapai pertumbuhan yang mampan," jelas beliau.

Sementara itu, Hasnol berkata, semua pihak amat menghargai dan berterima kasih kepada semua barisan hadapan kesihatan atas pengorbanan dan sumbangan mereka agar rakyat Malaysia dapat hidup dengan selamat.

Beliau berkata, kini tibalah masanya usaha tersebut disambut oleh barisan hadapan sektor ekonomi untuk bersama-sama menyumbang kepada pelan pemuliharaan ekonomi negara.

"Saya yakin barisan hadapan ekonomi seperti pengeluar, pengedar, penyedia perkhidmatan dan peruncitan akan dapat bersama-sama kerajaan memastikan usaha kita ini berjaya.

"Saya ingin menyarankan kepada anda semua 'Jom Sokong dan Beli Barangan Malaysia' kerana setiap perbelanjaan kita kelak akan dapat membantu memastikan ekonomi negara kita kekal berdaya saing," ujarnya.

## 1,000kg minyak masak peket disita

**GEORGETOWN:** Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Cawangan Timur Laut menyita 1,000 kilogram (kg) minyak masak peket dalam operasi di sebuah stor berhampiran premis yang menjalankan perniagaan borong sayur-sayuran, di sini semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa, Ahmad Ahrazuddin Ahmad Hamdan berkata, empat anggota penguat kuasa PPDNHEP Cawangan Timur Laut menjalankan pemeriksaan di stor berkenaan kira-kira pukul 11 pagi.

Katanya, pemeriksaan itu menemukan barang kawalan berjadual iaitu minyak masak peket satu kg sebanyak 1,000 kg bernilai RM2,500 yang diragui dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Berdasarkan siasatan awal, kami mendapati stor berkenaan digunakan untuk menyimpan bekalan minyak masak bagi pasaran di sekitar Georgetown.

"Namun, stor berkenaan bukanlah tempat penyimpanan seperti yang dinyatakan dalam lesen. Siasatan lanjut akan dijalankan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambah beliau, kes berkenaan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang mana jika disabitkan kesalahan seseorang itu boleh dikenakan denda sebanyak tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, manakala syarikat perbadanan denda boleh dikenakan tidak lebih RM2 juta.

"KPDNHEP juga ingin mengingatkan kepada mana-mana individu atau syarikat yang berurusan dengan barang kawalan berjadual hendaklah mematuhi perundangan ditetapkan.

"Mereka perlu mengikut saluran yang betul bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan barang kawalan berjadual," katanya.



**ANGGOTA** penguat kuasa memeriksa minyak masak bersubsidi yang dirampas di sebuah stor di George Town semalam.

## Sorok 1,000 bungkus minyak masak subsidi

**GEORGE TOWN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 1,000 bungkus minyak masak bersubsidi bernilai RM2,500 dalam serbuan di sebuah stor berdekatan premis pemborong sayur di sini semalam.


Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah KPDNHEP Cawangan Timur Laut, Ahmad Ahrazzudin Ahmad Hamdan berkata, dalam operasi kira-kira pukul 11 pagi itu, pihaknya menemui barang kawalan berjadual iaitu minyak masak pekot 1 kilogram

(kg) sebanyak 1,000 kg.

“Berdasarkan siasatan awal, kita mendapati, stor berkenaan digunakan untuk menyimpan bekalan minyak masak bagi pasaran di sekitar bandar raya ini.

“Bagaimanapun, stor itu bukanlah tempat penyimpanan seperti yang dinyatakan dalam lesen dan siasatan lanjut akan dijalankan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, serbuan oleh empat penguat kuasa KPDNHEP itu dibuat berdasarkan aduan oleh orang awam.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM16.59	• Cili Merah	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Kubis Bulat Tempatan	RM3.99
• Daging Lembu Import	RM30.90	• Tepung Gandum	RM2.25
• Telur Gred A	RM12.60		
• Ikan Kembung	RM15.90		
• Minyak Masak	RM6.50		
• Gula Pasir	RM2.85		
• Bawang Besar Holland	RM2.99		
• Bawang Putih	RM6.90		

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**PETALING JAYA:** Suruhanjaya Syarikat (SSM) melancarkan portal XCESS yang menawarkan maklumat Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dan penglibatan peribadi secara dalam talian di pautan [xcess.ssm4u.com.my](http://xcess.ssm4u.com.my).

Menurut SSM, portal XCESS dibangunkan untuk melengkapkan penawaran maklumat yang ditawarkan melalui portal pembekalan maklumat korporat SSM sedia ada iaitu SSM e-Info dan MyDATA-SSM.

Jelasnya, maklumat PLT yang ditawarkan merangkumi maklumat profil dan sijil pendaftaran PLT.

Tambahnya, maklumat penglibatan peribadi yang ditawarkan pula merangkumi maklumat penglibatan di bawah Akta Syarikat 2016 iaitu penglibatan sebagai pengarah, pemegang saham, setiausaha syarikat, juru-audit dan pelikuidasi.

"Di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, maklumat yang ditawarkan melibatkan maklumat pemilikan perniagaan manakala di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, maklumat yang ditawarkan merangkumi maklumat pekongsi dan pegawai pematuhan," katanya dalam kenyataan.

SSM berkata, melalui portal XCESS, orang ramai boleh mendapatkan maklumat berkaitan PLT dan penglibayam peribadi dengan lebih mudah secara dalam talian tanpa perlu hadir ke kaunter SSM.

Portal itu juga katanya, memudahkan orang ramai yang terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan ketika ini.

Maklumat lanjut mengenai portal XCESS boleh diperolehi di [www.ssm.my](http://www.ssm.my) atau hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000 atau e-mel [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

## SSM lancar portal perkongsian liabiliti

**Suruhanjaya** Syarikat Malaysia (SSM) melancarkan portal XCESS yang menawarkan maklumat perkongsian liabiliti terhad (PLT) dan pembabitan peribadi dalam talian di pautan [xcess.ssm4u.com.my](http://xcess.ssm4u.com.my).

Portal XCESS dibangunkan bertujuan untuk melengkapkan penawaran maklumat yang tidak ditawarkan melalui portal pembekalan maklumat korporat SSM sedia ada iaitu SSM e-Info dan MyDATA-SSM.

SSM dalam satu kenyataan berkata, maklumat PLT yang ditawarkan merangkumi maklumat profil dan sijil pendaftaran PLT.

Maklumat pembabitan peribadi yang ditawarkan pula di bawah Akta Syarikat 2016 yang merangkumi pembabitan sebagai pengarah, pemegang saham, setiausaha syarikat, juruaudit dan pelikuidansi.

"Di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, maklumat yang ditawarkan membabitkan maklumat pemilikan perniagaan, manakala di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, maklumat yang ditawarkan merangkumi maklumat pekongsi dan pegawai pematuhan.

"Melalui portal XCESS ini, orang ramai boleh mendapatkan maklumat berkaitan PLT dan pembabitan peribadi dengan lebih mudah dalam talian tanpa ke kaunter SSM," katanya.

Portal XCESS ini juga boleh memudahkan urusan orang ramai yang terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan ketika ini.

Maklumat lanjut mengenai portal XCESS layari [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my) atau menghubungi pusat panggilan SSM di talian 03-7721 4000 atau e-mel [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

# Portal XCESS sedia maklumat PLT, penglibatan peribadi

**PETALING JAYA** – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) semalam melancarkan perkhidmatan terbaharu mereka menerusi pengenalan portal XCESS yang menawarkan maklumat tentang Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dan penglibatan peribadi secara dalam talian di pautan [xcess.ssm4u.com.my](http://xcess.ssm4u.com.my).

Portal tersebut dibangunkan bertujuan melengkapkan penerangan maklumat yang sebelum ini tidak ditawarkan melalui por-

tal pembekalan maklumat korporat SSM sedia ada, iaitu SSM e-Info dan MyDATA-SSM.



tal pembekalan maklumat korporat SSM sedia ada, iaitu SSM e-Info dan MyDATA-SSM. Suruhanjaya itu berkata, mak-

lumat PLT yang ditawarkan merangkumi maklumat profil dan sijil pendaftaran PLT. “Maklumat penglibatan peribadi yang ditawarkan pula merangkumi maklumat penglibatan di bawah Akta Syarikat 2016 iaitu pemegang saham, setiausaha syarikat, juruaudit dan pelikuidasi.

“Di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, maklumat yang ditawarkan melibatkan maklumat pemilikan

perniagaan, manakala di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, maklumat yang ditawarkan merangkumi maklumat pekongsi dan pegawai pematuan,” katanya dalam siaran akhbar yang dikeluarkan di sini semalam.

Menurut SSM, portal XCESS membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan PLT dan penglibatan peribadi dengan lebih mudah secara dalam talian tanpa perlu hadir ke kaunter SSM.

Orang ramai juga boleh berhubung menerusi e-mel di [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

Kemudahan itu sekali gus memudahkan urusan orang awam yang terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berjalan bagi membendung jangkitan Covid-19.

Maklumat lanjut mengenai portal XCESS boleh diperolehi di [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my) atau menghubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-7721 4000.

Orang ramai juga boleh berhubung menerusi e-mel di [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).